

PM lancar Bulan ^{18/06/04} Perayaan ^{UM} Kemerdekaan 17 Ogos

PUTRAJAYA 17 Jun — Pelancaran Bulan Perayaan Kemerdekaan pada tahun ini akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Ipoh, Perak pada 17 Ogos ini.

Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, perarakan Hari Kemerdekaan peringkat kebangsaan pada 31 Ogos pula akan berlangsung di Kuantan, Pahang.

“Majlis penutup ditetapkan akan diadakan di Kuching, Sarawak dan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail,” katanya kepada pemberita selepas mempekerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Bulan Kemerdekaan di sini, hari ini.

Menurut beliau, seperti biasa sambutan perayaan tersebut akan diadakan selama sebulan bermula 17 Ogos hingga 16 September dengan enam tunggak perayaan termasuk majlis pelancaran dan sambutan perarakan.

Sebagai menyokong Bulan Kemerdekaan itu, beliau mengajak rakyat dari segenap lapisan meraikannya secara besar-besaran sebagai menunjukkan tanda kesyukuran mereka terhadap kemakmuran negara.

Katanya, rakyat negara ini menikmati kehidupan secara aman dalam suasana ekonomi yang menunjukkan peningkatan ketara termasuk kenaikan harga getah dan kelapa sawit.

Beliau menambah, rakyat juga dapat melaksanakan proses pemilihan kerajaan yang mereka sukai melalui pilihan raya yang diadakan baru-baru ini tanpa sebarang tragedi berdarah.

“Oleh itu saya merayu rakyat agar beramai-ramai meraikan Perayaan Bulan Kemerdekaan tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang lebih awal,” katanya.